



KUALA LUMPUR, MALAYSIA
QUESTION PAPER
SUBJECT: BAHASA MELAYU
(SUBJECT CODE – 199)
CLASS: XII

Markah: 100

Masa: 3 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B**, dan **Bahagian C**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **2 soalan**. Anda wajib menjawab **satu** soalan sahaja.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **1 soalan**. Anda diwajibkan menjawab soalan tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **5 soalan**. Anda diwajibkan menjawab semua soalan tersebut.
5. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (60 minit)**, **Bahagian B (50 minit)**, dan **Bahagian C (70 minit)**.
6. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
7. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
8. Kertas soalan ini mengandungi **8 muka surat** bercetak termasuk muka hadapan.

Bahagian A
[40 Markah]

Soalan 1

Tulis sebuah karangan tentang salah *satu* daripada perkara di bawah. Panjang huraian anda hendaklah *antara 200 hingga 300 patah perkataan*.

- (i) Lambakan pekerja asing tanpa izin ke negara kita mendatangkan kesan negatif.

Cadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan kedatangan pekerja asing tanpa izin (PATI) ke negara kita.

atau

- (ii) Pada masa ini, kerajaan begitu giat berusaha untuk menangani gejala rasuah.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan mengawal gejala tersebut dan cadangkan langkah yang anda fikir wajar untuk mengatasi masalah tersebut?

Bahagian B
[30 Markah]

Soalan 2

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu ringkasan tentang *kesan-kesan amalan rasuah*. Panjang ringkasan anda hendaklah *tidak melebihi 150-180 patah perkataan*.

Cabaran besar ke arah mencapai tadbir urus yang baik ialah membanteras gejala rasuah yang tidak berkesudahan. Untuk mencapai tadbir urus yang baik, perkara utama yang perlu diselesaikan terlebih dahulu ialah soal ketelusan dalam pentadbiran. Oleh itu, kepemimpinan negara begitu giat membanteras rasuah sebagai matlamat perjuangan dalam memimpin dan mentadbir negara. Ironinya, persepsi umum kian merosot dalam soal ketelusan kerajaan ekoran statistik rasuah negara meningkat saban tahun. Hal ini amat membimbangkan kerana rasuah memberikan implikasi buruk bukan sahaja kepada penerima rasuah, malah kepada masyarakat dan negara.

Gejala rasuah meninggalkan impak yang besar sehingga meruntuhkan sesebuah tamadun, empayar dan bangsa. Contohnya, kehancuran Empayar Rom, Uthmaniah dan Dinasti Ming disebabkan perbuatan rasuah oleh tentera dan kakitangan awamnya. Demikian juga dengan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka akibat berlakunya amalan rasuah dalam kalangan raja dan pembesar. Rasuah berlaku kerana pengurusan pentadbiran yang tidak terurus. Gaji yang rendah juga mendorong amalan rasuah kerana tidak dapat menampung kehidupan keluarga. Sesetengah pengamal rasuah juga ingin hidup mewah sehingga sanggup menghalalkan cara demi kesenangan hidup. Oleh itu, keteguhan iman dan didikan moral penting dalam mengelakkan gejala rasuah.

Semua masyarakat yang beragama dan bermoral menolak rasuah kerana kesan rasuah bukan sahaja melibatkan pengamal rasuah, malah segenap aspek negara. Kegiatan rasuah akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi. Dengan adanya kegiatan rasuah, tiada sesiapa akan dapat mengagak tindakan seseorang atau hasil daripada sesuatu rancangan untuk masa depan. Amalan ini juga turut mewujudkan pemerintahan yang lemah kerana setiap kali berlaku rasuah, pemerintah akan kehilangan hasil atau tergelincir daripada tindakan yang sepatutnya.

Selain itu, keadilan sosial tidak akan dapat dicapai kerana amalan rasuah menyetepikan hak golongan tertentu. Kebanyakan pemberi rasuah terdiri daripada golongan berada. Oleh itu, si kaya terus menjadi kaya kerana memperoleh peluang untuk mengumpulkan kekayaan melalui rasuah. Manakala rakyat terus terhimpit sehingga keperluan asas masyarakat yang seharusnya dijaga sukar diperoleh. Keadaan ini bukan sahaja membebankan rakyat, malah memburukkan lagi taraf kemiskinan kerana sumber yang telah ditetapkan untuk membantu rakyat miskin diselewengkan.

Kemiskinan menyebabkan munculnya jenayah lain seperti merompak, menyamun, dan sebagainya untuk memenuhi tuntutan hidup. Ketika ini, keselamatan dan keharmonian hidup rakyat tergugat ekoran banyak orang hidup terhimpit dek desakan hidup. Akhirnya, rakyat mula marah dan mengancam kestabilan politik negara sehingga boleh menyebabkan pentadbiran kucar-kacir. Keadaan ini akan menyebabkan pelabur asing mula takut untuk melabur. Maka, kemakmuran ekonomi negara terjejas kerana pelaburan asing amat diperlukan untuk menjana pendapatan dan membangunkan ekonomi negara. Kos tambahan yang wujud kesan daripada amalan rasuah pula ditanggung oleh pihak lain dan rakyat.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'Cabaran Mencapai Tadbir Urus yang Baik'
oleh Faridah Mohd. Tap, Dewan Masyarakat, Februari 2012)

Bahagian C
[30 Markah]

Soalan 3

Dalam setiap ayat di bawah terdapat *satu kesalahan ejaan* dan *satu kesalahan penggunaan imbuhan*. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. **(10 Markah)**

- i. Katrina telah dimasukkan ke wad kecemasan kerana mengalami cedera parah dalam kemalangan jalanraya.
- ii. Program “Bersamamu” yang diterbitkan oleh TV3 telah meruntun hati penuntun hingga ada mengaliri air mata.
- iii. Pamiran yang diadakan oleh pihak bomba telah dapat sambutan yang baik daripada orang ramai.
- iv. “Jenerasi muda harus mencintai dan hormati kesenian dan kebudayaan warisan bangsa,” tegas wakil belia itu dengan penuh semangat.
- v. Pemergian APJ Abdul Kalam bukan sahaja diratapkan oleh ahli keluarganya malahan rakyat India turut berasa kehilangan tokoh yang begitu perihatin terhadap rakyat.

Soalan 4

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya. **(5 Markah)**

Sekarang Pak Usu sudah pulang. Tetapi kenapa dia jadi bahan pertengkaran emak dan ayah? Kenapa emak tidak senang dengan Pak Usu? Kenapa emak membenci Pak Usu? Kenapa Pak Usu tinggalkan kampung halaman? Apa kerja Pak Usu sekarang? Persoalan-persoalan itu hidup semula dalam kepala Arif.

“Pak Usu duduklah dulu di sini”. Arif membawa Usup ke kerusi rotan yang terletak di hujung anjung.

Pak Usu menurut sahaja. Dia duduk dengan tenang di atas kerusi itu. Arif Nampak dia sedang mengenang sesuatu. Sesuatu yang tidak akan dimengertinya. Apakah yang dikenangnya? *Peristiwa pahit* yang pernah dialami? Peristiwa menyayat hati yang menyebabkan dia meninggalkan kampung halaman?

“Dah banyak perubahan di kampung ini”, cetusnya setelah terdiam sejeurus.

“Ya, Pak Usu. Di kampung ini dah ada elektrik. Dah ada air paip. Dah ada jalan batu”.

“Bukan itu sahaja,” sambung Pak Usu dengan pantas.

“Pak Usu rasa rumah pun dah banyak. Penduduk kampung tentu dah mewah”.

Arif membiarkan sahaja Pak Usunya melahirkan pendapatnya. Mungkin dia akan bercerita lebih lanjut tentang kampung ini. Dan mungkin dia akan mengisahkan detik-detik yang dilaluinya sehingga membawanya pulang ke kampung dengan kereta besar biru tua itu. Keinginan Arif hendak mengetahuinya kian memuncak. Tentu kisahnya amat menarik. Seorang buta yang hidup melarat, tiba-tiba muncul semula dengan segala kemewahan.

“Pokok durian di belakang rumah itu ada lagikah?” tanya Pak Usu sambil menegakkan badannya.

“Ada, Pak Usu. Banyak buahnya. Musim durian baru-baru ini banyak ayah dapat duitnya”.

Pak Usu tersenyum. Mukanya dihalakan tepat kepada muka Arif. Cermin mata gelap masih tidak ditanggalkan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada drama “*Pak Usu*”, karya Othman Rasul, antologi *Sehijau Warna Daun*, Tingkatan 1, DBP)

- i. Apakah perkara yang sedang difikirkan oleh Arif?
 - A Sebab-sebab emaknya tidak suka akan Pak Usunya
 - B Kegigihan Pak Usunya dalam menghadapi hidup
 - C Sebab-sebab Pak Usunya meninggalkan kampung itu
 - D Pak Usunya yang buta tetapi berjaya menjadi pensyarah universiti

- ii. Yang berikut merupakan antara perubahan yang berlaku di kampung Arif, **kecuali**
 - A kampung itu sudah mendapat bekalan air paip
 - B kampung itu sudah ada jalan batu dan banyak rumah sudah dibina
 - C kampung itu sudah mendapat bekalan elektrik
 - D kampung itu sudah ada sekolah baharu

- iii. Frasa “*peristiwa pahit*” sesuai digantikan dengan frasa
 - A pengalaman yang tidak baik
 - B perkara lain
 - C kisah kemiskinan
 - D perkara yang sudah lepas

- iv. Nyatakan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan ini?
 - A Janganlah membiarkan orang cacat hidup merempat dan terabai
 - B Kekacatan tubuh badan tidak menghalang seseorang itu untuk berjaya
 - C Kita hendaklah berjimat-cermat demi kesenangan hidup
 - D Para remaja hendaklah mengenang budi orang tua yang banyak berjasa

- v. Nilai yang berikut terdapat dalam keseluruhan petikan **kecuali...**
 - A kegigihan
 - B kerajinan
 - C berdikari
 - D tolong-menolong.

Soalan 5

Pilih jawapan yang paling tepat.

(5 Markah)

- i. Berdasarkan jadual yang berikut, yang manakah padanan yang **betul** antara perkataan dalam bahasa Melayu kuno dengan bahasa Melayu klasik?

	Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Klasik
A	tuhan	tuan
B	nikenai	mengenai
C	wawang	bawang
D	nimarwuat	diperbuat

- ii. Yang manakah pernyataan yang menepati ciri penggunaan bahasa Melayu pada batu-batu bersurat kurun ke-7?


- I Catatannya walaupun pendek, tetapi lengkap
- II Memperlihatkan perbezaan bahasa istana dan bahasa biasa
- III Kosa katanya banyak yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit
- IV Struktur ayatnya sukar dipastikan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- iii. Apakah salah satu sebab bahasa Melayu kuno banyak sekali menerima pengaruh Sanskrit?

- A Bahasa Sanskrit digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat
- B Bahasa Sanskrit boleh menyaingi bahasa Jawa kuno
- C Bahasa Sanskrit merupakan bahasa agama
- D Bahasa Sanskrit mempunyai status yang tinggi

- iv.



Berdasarkan carta di atas, **S** ialah

- A Batu bersurat di Pagar Ruyung
 - B Batu nisan Sultan Malikul-Salleh
 - C Batu bersurat di Minye Tujuh
 - D Batu bersurat di Sungai Teresat
- v. Usaha mengembangkan bahasa Melayu supaya tercapai keadaan “saling terjemah” dengan bahasa yang lain dapat dilaksanakan melalui
- A pemantapan tatabahasa
 - B penyeragaman ejaan
 - C pembakuan sebutan
 - D pembentukan istilah

Soalan 6

Alih bentuk bahasa laras petikan novel yang berikut kepada bentuk prosa biasa.

(5 Markah)

Hilmi sudah meninggalkan bilik air, diganti kemudiannya oleh dua orang budak laki-laki dan seorang budak perempuan. Nadibah masih melanjutkan cuciannya yang hampir selesai. Dua budak lelaki yang datang mengambil air mengusiknya. Nadibah diam. Mereka berharap Nadibah menjawab – meludah ataupun memakinya. Mereka hanya ingin peluang bercakap. Nadibah tetap tidak melayan.

“Ala sombong,” kata seorang.

“Sekeras-keras kerak nasi akan lembut juga nanti,” tambah yang seorang lagi.

Senang hati Nadibah apabila mereka pergi. “Tak beradat,” katanya di dalam hati. “Barangkali tak berajar,” sambungnya.

Baru sahaja hatinya tenang sejenak, terdengar pula orang menyanyi ‘Mere Bolbol Sorhahei’ di luar. Dia yakin suara Abdul Fakar. Badannya serta-merta menggigil.

Nadibah menutup air paip seketika, berhenti membilas baki kainnya. Didengarnya hati-hati. Benarlah suara Abdul Fakar! Segera dibukanya semula paip air, membilas pakaian secepat dapat.

Lama juga suara Abdul Fakar di luar. Nadibah tahu tentulah Abdul Fakar sedang berbual atau berborak dengan beberapa orang di tepi jalan.

Serasa hilang semangat apabila suara ‘Mere Bolbol Sorhahei’ itu serta-merta menghampiri bilik mandi.

Mata Abdul Fakar segar terlihat Nadibah di situ. Beruntung, seorang India gemuk, pendek dan berkepala botak masuk. Abdul Fakar berundur, pura-pura mencuci tangan.

(Dipetik daripada A.Samad Said,
Salina, DBP, 1999, hlm. 161-162)

Soalan 7

Baca ayat di bawah ini dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut. (5 Markah)

- i. Malang sungguh nasib Kavita. Dia baru sahaja kematian adik bongsunya dan kini ibu bapanya pula jatuh sakit. Hal ini sama seperti _____.
- ii. Pada mulanya, Disha tidak mahir memandu kereta tetapi lama-kelamaan dia menjadi pemandu yang cekap. Hal ini sama seperti _____.
- iii. Petang tadi saya terserempak dengan seorang lelaki yang memiliki wajah yang seiras dengan Abang Ruzam. Hal ini sama seperti _____.
- iv. “Kami mengupah budak kampung ini menjaga kelapa sawit, sebaliknya _____ mereka mencuri dan menjual kelapa sawit itu kepada orang yang tidak dikenali”, tegas ketua blok kepada pengurus ladang.
- v. Hasrat Mona memiliki sebuah pasar raya tidak kesampaian kerana beliau tidak memiliki modal yang besar. Hal ini sama seperti _____.

KERTAS SOALAN TAMAT